

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE
(PETALING JAYA UTARA)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 27.10.2014

Y.B. TUAN TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah dan peratus syarikat yang telah mendaftar untuk pelaksanaan GST, kesiap-sediaan sistem IT untuk mengendalikan cukai tersebut dan sama ada tarikh pelaksanaan pada April 2015 lebih wajar ditunda.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Setakat 2 Oktober 2014, sebanyak 74,853 perniagaan telah mendaftar

dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bagi tujuan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan GST yang akan berkuat kuasa pada 1 April 2015. Jumlah syarikat yang mendaftar adalah hampir 25% daripada sasaran yang telah ditetapkan menjelang hujung tahun ini iaitu 300,000 perniagaan.

Pada masa ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah pun mempunyai sistem pengkomputeran GST (MyGST) untuk melicinkan proses pelaksanaan GST kelak. Sistem pengkomputeran GST ini juga telah diuji dalam tempoh setahun dan proses pendaftaran awal telah dilaksanakan 9 bulan sebelum tarikh pelaksanaan GST.

Pelaksanaan GST pada 1 April 2015 tidak akan ditunda kerana persiapan untuk melaksanakan GST telah mula dilaksanakan dari tahun 2005 lagi di mana konsultasi yang sangat intensif dengan semua pihak termasuk industri, pengguna, ahli akademik dan pelbagai Jabatan Kerajaan telah dibuat dalam merangka model cukai GST yang sesuai untuk Malaysia.
Persiapan yang dimaksudkan adalah dari segi latihan kepada kakitangan, perubahan sistem perkomputeran dan penilaian semula proses

perniagaan.